



23 JAN, 2025

Bitcoin: Pemilik premis tanggung bil elektrik RM1.2j

Utusan Malaysia, Malaysia



Bitcoin: Pemilik premis tanggung bil elektrik RM1.2j

IPOH: Seorang pemilik premis perniagaan di Panorama Perdana di sini perlu menanggung bil elektrik berjumlah RM1.2 juga kerana lot kedainya digunakan oleh penyewa untuk melakukau aktiviti bitcoin secara haram dalam tempoh antara Ju-lai hingga Ogos tahun lalu.

Mangsa yang hanya ingin dikenali sebagai Yuan, 43, menyewakan lot atas premis perniagaan dua tingkatnya kepada seorang lelaki pada kadar sewa RM700 sebulan.

"Dia menyewa dengan alasan ingin meletakkan barang stok perniagaannya dan saya tidak mengesyaki apa-apa kerana asalkan mendapat duit sewaan semata-mata.

"Namun, saya hairan kerana ada beberapa individu mem-

bawa wayar penyambung bekalan elektrik bersaiz besar di premis sewaannya namun kerana kesibukan menguruskan perniagaan salun rambut, perkara itu tidak diambil dengan serius," katanya pada sidang akhbar di Pusat Khidmat Ahli Parliment Gopeng di sini semalam.

Yuan merupakan antara 60 pemilik rumah dan lot perniagaan sekitar Gopeng, Simpang Pulai dan Lumut yang menjadi mangsa tuntutan bil berjumlah RM30,000 hingga RM1.2 juta kerana penyewa melakukan aktiviti bitcoin dengan melakukan penyambungan elektrik secara haram.

Pada masa sama, pemilik tidak mengetahui kegiatan penyewa tersebut kerana semakan bil elektrik bulanan menunjuk-



TAN Kar Hing bersama mangsa kegiatan bitcoin haram dalam sidang akhbar di Pusat Khidmat Ahli Parliment Gopeng, Ipoh, Perak, semalam.

kan kadar biasa premis.

Tambah Yuan, perbuatan tidak bertanggungjawab penyewanya itu hanya disedari selepas

menerima tuntutan bil elektrik menerima tuntutan bil elektrik berjumlah RM1.2 juta.

"Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada penyewa

namun malangnya dia menghilangkan diri meninggalkan lot perniagaan dalam keadaan terbiar," katanya.